



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
(STPM)**

**SEJARAH  
Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh**

### **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

## **PRAKATA**

Sukatan Pelajaran Sejarah yang baharu ini digubal untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Sejarah sedia ada yang telah digunakan semenjak peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 2005. Sukatan pelajaran yang baharu ini akan mula digunakan pada tahun 2012. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun tersebut akan menjadi peperiksaan pertama yang menggunakan sukatan pelajaran ini. Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Sejarah ini mengambil kira perubahan yang hendak dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia terhadap sistem peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sedia ada. Melalui sistem peperiksaan yang baharu ini, pengajian di tingkatan enam akan dibahagikan kepada tiga penggal dan calon akan menduduki peperiksaan pada setiap akhir penggal. Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia memperkenalkan sistem peperiksaan yang baharu ini adalah untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran di tingkatan enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti.

Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Sejarah ini merupakan proses pengemaskinian tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perkembangan semasa. Sukatan pelajaran ini akan memberikan pendedahan kepada calon di peringkat prauniversiti tentang Sejarah Dunia (1500-1955), Sejarah Islam (500-1918), Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara (1800-2000). Selain itu, sukatan pelajaran ini juga memberi penekanan dalam aspek meningkatkan kemahiran sejarah seperti kemahiran menganalisis dan merumuskan fakta sejarah secara kritis dan rasional dalam kalangan calon. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar sukatan pelajaran ini dapat menghasilkan calon prauniversiti yang berfikiran matang, berpengetahuan luas, dan berupaya untuk menyampaikan idea secara berkesan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga mewajibkan calon menjalankan kajian luar. Pentaksirannya dibuat melalui penghasilan Kerja Projek. Aspek ini difikirkan penting kerana melalui kajian luar, calon bukan sahaja belajar untuk menguasai ilmu tertentu tetapi juga akan dapat menerapkan kemahiran insaniah ke dalam diri mereka melalui pengalaman yang ditempuhi semasa menyiapkan kajian tersebut. Pengalaman ini akan membantu calon dalam melaksanakan kajian luar pada peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Sukatan pelajaran ini mengandungi tajuk, waktu pengajaran, masa kajian, kawasan kajian dan hasil pembelajaran mengikut penggal, di samping maklumat kerja kursus, skim pentaksiran, pemerihalan prestasi, dan soalan contoh.

Usaha menggubal sukatan pelajaran ini telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Datin Paduka Profesor Dr. Hajah Ramlah binti Adam dari Universiti Teknologi Mara. Anggota jawatankuasa yang lain terdiri daripada beberapa orang pensyarah dari universiti tempatan, dan guru-guru yang berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran Sejarah. Bagi pihak Majlis Peperiksaan Malaysia, saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa ini atas khidmat yang telah diberikan. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Majlis Peperiksaan Malaysia agar sukatan pelajaran ini menjadi panduan kepada guru dan calon dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Semoga pelaksanaan sukatan pelajaran ini berjaya mencapai matlamatnya.

**OMAR BIN ABU BAKAR**

Ketua Eksekutif

Majlis Peperiksaan Malaysia

# KANDUNGAN

## Sukatan Pelajaran 940 Sejarah

	<i>Halaman</i>
Matlamat	1
Objektif	1
Kandungan	
Penggal Pertama	3 – 6
Penggal Kedua	7 – 15
Penggal Ketiga	16 – 25
Kerja Kursus (Kerja Projek)	26
Skim Pentaksiran	27 – 28
Pemerihalan Prestasi	29
Glosari	30 – 31
Senarai Rujukan	32 – 34
Kertas Soalan Contoh	
Kertas 1	35 – 36
Kertas 2	37 – 38
Kertas 3	39 – 40
Kertas 4	41 – 42

*SUKATAN PELAJARAN*  
**940 SEJARAH**

**Matlamat**

Matlamat sukatan pelajaran Sejarah peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia adalah untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang disiplin ilmu sejarah sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Sukatan ini juga bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu, mempunyai semangat patriotisme, berfikiran global, dan mendukung serta merealisasikan wawasan pembinaan bangsa Malaysia.

**Objektif**

Objektif sukatan pelajaran ini adalah untuk membolehkan pelajar:

- (a) mengukuhkan kefahaman tentang konsep, pemikiran, dan falsafah sejarah,
- (b) meningkatkan kefahaman tentang sebab-musabab, kesan, serta kesinambungan dan perubahan peristiwa sejarah,
- (c) menguasai kemahiran mengumpul, memilih, menilai, dan mentafsir sumber sebagai bukti sejarah,
- (d) mengembangkan kemahiran insaniah,
- (e) menganalisis dan merumuskan fakta sejarah secara kritis dan rasional,
- (f) menghayati kepentingan peristiwa, tokoh, isu, dan perubahan sosial dalam masyarakat,
- (g) mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah, dan
- (h) memperteguh rasa tanggungjawab sebagai warganegara yang sanggup berkorban demi kedaulatan negara.

## **Kandungan Sukatan**

Sukatan pelajaran Sejarah terdiri daripada lima kertas, iaitu Kertas 1: Sejarah Dunia (1500-1955), Kertas 2: Sejarah Islam (500-1918), Kertas 3: Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara (1800-2000), Kertas 4: Kerja Kursus (calon sekolah kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu). Bilangan waktu pengajaran yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran ini adalah anggaran sahaja. Satu waktu pengajaran adalah 40 minit.

### **Kertas 1: Sejarah Dunia (1500-1955)**

Kertas ini memberi tumpuan kepada sejarah Asia, Eropah, dan Amerika Syarikat dari tahun 1500 hingga tahun 1955. Kertas ini mengandungi empat tema, iaitu Masyarakat, Pemerintahan dan Pentadbiran, Kemajuan dan Pembangunan, serta Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa.

### **Kertas 2: Sejarah Islam (500-1918)**

Kertas ini memberi tumpuan kepada sejarah Islam dari tahun 500 hingga tahun 1918. Kertas ini mengandungi tiga tema, iaitu Masyarakat, Pemerintahan, Pentadbiran, Pertahanan, dan Perhubungan Luar, Pembangunan dan Penerokaan, serta Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa.

### **Kertas 3: Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara (1800-2000)**

Kertas ini memberi tumpuan kepada perkembangan Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara dari tahun 1800 hingga tahun 2000. Kertas ini mengandungi empat tema, iaitu Masyarakat Tempatan, Transformasi Masyarakat, Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa, serta Pengisian Kemerdekaan.

### **Kertas 4: Kerja Projek (Calon sekolah kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu)**

Kertas ini memberi tumpuan kepada struktur ilmu sejarah, penyediaan cadangan penyelidikan, inkuiri, penyelidikan, dan penulisan serta pembentangan hasil penyelidikan.

## Penggal Pertama

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<b>SEJARAH DUNIA (1500-1955)</b>			
<b>1 Masyarakat</b>	16		Calon seharusnya dapat menjelaskan bentuk masyarakat dan proses perubahan yang bermula dari masyarakat feodal sehingga masyarakat industri.
1.1 Masyarakat feodal	4	England dan Jepun (abad ke-16–17)	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan definisi dan ciri-ciri dan susun lapis masyarakat feodal; (b) membandingkan ciri-ciri feudalisme di Eropah dan Asia.
1.2 Masyarakat agraria	4	Belanda dan China (abad ke-16–17)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan definisi dan ciri-ciri masyarakat agraria.
1.3 Masyarakat maritim	4	Portugal dan Jepun (abad ke-16–17)	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan definisi dan ciri-ciri masyarakat maritim.
1.4 Masyarakat industri	4	England dan Jerman (abad ke-18–19)	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan definisi dan ciri-ciri masyarakat industri.
<b>2 Pemerintahan dan Pentadbiran</b>	20		Calon seharusnya dapat menjelaskan corak pemerintahan dan pentadbiran bermula daripada pemerintahan beraja kepada sistem demokrasi berparlimen.
2.1 Institusi pemerintahan			Calon seharusnya dapat:
2.1.1 Raja/Maharaja	4	China dan Russia (abad ke-16–20)	(a) menghuraikan kedudukan dan peranan raja/maharaja dalam pemerintahan;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2.1.2 Pembesar	4	China dan Russia (abad ke-16–20)	(b) membandingkan peranan pembesar dalam pemerintahan.
2.2 Negara bangsa			Calon seharusnya dapat:
2.2.1 Raja mutlak dan raja berperlembagaan	4	England dan Perancis (abad ke-16–18)	(a) membincangkan dan membandingkan sistem pemerintahan beraja mutlak dengan raja berperlembagaan;
2.2.2 Negara kesatuan dan negara persekutuan	4	Perancis dan Amerika Syarikat (abad ke-18–19)	(b) membincangkan sistem pemerintahan negara republik dan negara persekutuan;
2.2.3 Penyatuan negara bangsa	4	Itali dan Jerman (abad ke-19)	(c) membincangkan proses penyatuan negara bangsa.
<b>3 Kemajuan dan Pembangunan</b>	40		Calon seharusnya dapat menjelaskan perubahan yang berlaku dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan intelektual.
3.1 Sistem ekonomi			Calon seharusnya dapat:
3.1.1 Feudalisme dan kapitalisme			(a) menghuraikan sistem ekonomi:
	4	Jepun dan China (abad ke-16)	(i) feudalisme di Asia
	4	Jerman dan Perancis (abad ke-16–18)	(ii) feudalisme di Eropah
	4	England dan Amerika Syarikat (abad ke-18–19)	(iii) kapitalisme
3.1.2 Perkembangan ekonomi			(b) membincangkan perubahan orientasi kegiatan dan kemajuan dalam bidang-bidang:
3.1.2.1 Perdagangan dan perniagaan	4	Portugal dan Belanda (abad ke-16–18)	(i) perdagangan dan perniagaan
3.1.2.2 Pertanian	6	Belanda dan England (abad ke-17–18)	(ii) pertanian



<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.1.2.3 Perindustrian	4	Jerman dan Jepun (abad ke-19–20)	(iii) perindustrian.
3.2 Intelektual			Calon seharusnya dapat:
3.3.1 Perkembangan ilmu	3	England dan Perancis (abad ke-17–19)	(a) membincangkan proses perubahan pemikiran dan kemajuan ilmu pengetahuan kesan daripada Renaisans, Reformasi Protestan, Revolusi Sains, dan Gerakan Pencerahan;
3.3.2 Sumbangan tokoh	3	England dan Perancis (abad ke-18–19)	(b) menilai idea dan sumbangan tokoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Charles Louis Montesquieu</li> <li>(ii) Adam Smith</li> <li>(iii) Jean Jacques Rousseau.</li> </ul>
3.3 Kemajuan pendidikan	8	Perancis dan Jerman (abad ke-18–19)	Calon seharusnya dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) menghuraikan proses perubahan pendidikan daripada sistem pendidikan tradisional kepada pendidikan moden.</li> </ul>
<b>4 Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa</b>	44		Calon seharusnya dapat menjelaskan proses, kesan, dan respons masyarakat tempatan terhadap penjajahan dan peranan negara-negara baru merdeka dalam politik antarabangsa.
4.1 Reaksi masyarakat tempatan terhadap peluasan kuasa Barat dan kesan penjajahan Barat	6	China dan India (abad ke-19–20)	Calon seharusnya dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) menganalisis reaksi masyarakat tempatan terhadap peluasan kuasa Barat;</li> </ul>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
4.2 Konflik antarabangsa			(b) membincangkan transformasi sosial, ekonomi, dan kemunculan intelektual tempatan.  Calon seharusnya dapat memahami punca konflik dalam politik antarabangsa dan dapat:
4.2.1 Perang Dunia Pertama 1914 – 1918	6	Jerman dan Russia (abad ke-20)	(a) membincangkan sebab dan kesan Perang Dunia Pertama;
4.2.2 Perang Dunia Kedua 1942 – 1945	6	Jepun dan Amerika Syarikat (abad ke-20)	(b) menganalisis sebab dan kesan Perang Dunia Kedua;
4.2.3 Perang Dingin 1945 – 1955	6	Russia dan Amerika Syarikat (abad ke-20)	(c) menganalisis sebab dan kesan Perang Dingin.
4.3 Dekolonisasi dan pengembalian kedaulatan	6	China dan India (abad ke-20)	Calon seharusnya dapat:  (a) menerangkan langkah-langkah mendapatkan kedaulatan dan dekolonisasi oleh orang tempatan.
4.4 Perhubungan luar			Calon seharusnya dapat:  (a) membincangkan kerjasama negara dalam organisasi antarabangsa selepas Perang Dunia Kedua:
	6	Soviet Union dan Amerika Syarikat (abad ke-20)	(i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ( <i>United Nations</i> )
	4	United Kingdom dan India (abad ke-20)	(ii) Komanwel ( <i>Commonwealth of Nations</i> )
	4	United Kingdom dan Amerika Syarikat (abad ke-20)	(iii) <i>North Atlantic Treaty Organisation</i> (NATO).

## Penggal Kedua

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<b>KERJA KURSUS</b>		
<b>1 Apa itu Sejarah?</b>		
1.1 Konsep dan teori ilmu sejarah	2	Calon seharusnya dapat:  (a) menjelaskan konsep dan teori ilmu sejarah.
<b>2 Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Sejarah</b>		
2.1 Penyelidikan dalam sejarah	2	Calon seharusnya dapat:  (a) mengenal pasti langkah-langkah yang perlu dalam penyelidikan sejarah.
2.2 Sumber sejarah	2	Calon seharusnya dapat:  (a) membezakan jenis-jenis sumber; (b) menggunakan sumber sejarah secara kritis.
2.3 Tafsiran sejarah	2	Calon seharusnya dapat:  (a) menilai maklumat dalam sumber-sumber sejarah; (b) menganalisis kesahan sesuatu tafsiran yang terdahulu; (c) merekonstruksi peristiwa lalu dengan menggunakan sumber sejarah.
2.4 Penulisan sejarah	2	Calon seharusnya dapat:  (a) mengorganisasi maklumat dalam bentuk naratif; (b) memberi penjelasan secara kritis dan imaginatif terhadap perubahan dan kesinambungan dalam kehidupan; (c) membincangkan pelbagai perspektif terhadap sesuatu peristiwa lampau; (d) membuat sintesis terhadap tafsiran peristiwa lampau dan kaitannya dengan masa kini.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<b>3 Penyediaan Cadangan Penyelidikan</b>		Calon seharusnya dapat:	
3.1 Tajuk	1	(a) memilih tajuk yang mempunyai makna penting dalam peristiwa sejarah;	
3.2 Pengenalan	1	(b) menerangkan idea awal tentang kajian;	
3.3 Objektif	1	(c) menyatakan tujuan kajian;	
3.4 Permasalahan kajian	1	(d) mengenal pasti persoalan yang perlu dijawab oleh kajian;	
3.5 Skop kajian	1	(e) menentukan tempoh, kawasan, dan isu yang dikaji;	
3.6 Sorotan kajian lepas	1	(f) membincangkan tulisan yang sedia ada berkaitan dengan tajuk yang dipilih;	3 hingga 5 buah buku sahaja
3.7 Kaedah kajian	1	(g) memilih kaedah yang sesuai untuk mengumpul bahan seperti kajian perpustakaan, kerja lapangan, dan temu bual;	
3.8 Pembahagian struktur esei	1	(h) mengorganisasi persembahan dan isi penulisan kajian;	
3.9 Penutup	1	(i) membuat rumusan dan kesimpulan tentang kajian;	
3.10 Bibliografi	1	(j) menyenaraikan sumber rujukan yang digunakan.	Sekurang-kurangnya 5 sumber rujukan
<b>4 Penyelidikan Bahan</b>	20	Calon seharusnya dapat:	Dikendalikan oleh sekolah
4.1 Mengenal pasti bahan		(a) menyenaraikan sumber yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk;	
4.2 Mencari dan mengumpul bahan		(b) mengumpul sumber yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk yang dipilih daripada sumber internet, arkib, temu bual, dan perpustakaan;	
4.3 Menyaring bahan		(c) mengumpul maklumat yang relevan dengan tajuk.	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<b>5 Penulisan Hasil Penyelidikan</b>	Sepanjang penggal kedua	Calon seharusnya dapat: (a) Menghasilkan esei dan membentangkan esei.	Dikendalikan oleh sekolah

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<b>SEJARAH ISLAM (500 – 1918)</b>			
<b>1 Masyarakat, Pemerintahan, Pertahanan, dan Perhubungan Luar</b>	38		Calon seharusnya dapat menjelaskan perubahan masyarakat, sistem pemerintahan, dan hubungannya dengan dunia luar.
1.1 Masyarakat jahiliah	2	Semenanjung Tanah Arab (abad ke-6)	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan konsep dan struktur masyarakat jahiliah.
1.2 Masyarakat Islam	4	Nabi Muhammad SAW dan Khalifah al-Rasyidin di Semenanjung Tanah Arab (abad ke-6–7)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan konsep ummah; (b) membincangkan perkembangan masyarakat Islam.
1.3 Sistem pemerintahan	3	Nabi Muhammad SAW (abad ke-7)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan kandungan dan peranan Piagam Madinah; (b) memerihalkan struktur pemerintahan di Madinah.
1.4 Kepemimpinan Nabi Muhammad SAW	2	Nabi Muhammad SAW (abad ke-7)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan ciri-ciri kepemimpinan Nabi Muhammad SAW.
1.5 Institusi khalifah			Calon seharusnya dapat:
1.5.1 Pemilihan khalifah	2	Khalifah al-Rasyidin dan Umayyah (abad ke-7–8)	(a) menghuraikan konsep dan ciri-ciri khalifah; (b) membincangkan kaedah pemilihan khalifah;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
1.5.2 Sumbangan khalifah/tokoh	4	Khalifah al-Rasyidin, Umayyah (abad ke-7–8), dan Abbasiyah (abad ke-8–9)	(c) menilai sumbangan khalifah/tokoh: (i) Khalifah Abu Bakar (ii) Khalifah Umar al-Khattab (iii) Khalifah Umar Abdul Aziz (iv) Khalifah Harun al-Rasyid
1.6 Bentuk pemerintahan			Calon seharusnya dapat:
1.6.1 Pemerintahan pusat dan wilayah	4	Khalifah al-Rasyidin (abad ke-7) Khalifah Uthmaniyah (abad ke-16–17)	(a) membincangkan struktur pemerintahan dan pentadbiran pusat dan wilayah;
1.6.2 Pemerintahan pusat dan wilayah	4	Andalusia (abad ke-13) India (abad ke-16–17)	(b) menjelaskan sistem pemerintahan raja/sultan dan amir.
1.7 Pertahanan dan pembukaan wilayah			Calon seharusnya dapat:
1.7.1 Jihad	2	Nabi Muhammad SAW Khalifah al-Rasyidin (abad ke-7)	(a) menjelaskan pengertian jihad;
1.7.2 Peperangan	3	Nabi Muhammad SAW Khalifah al-Rasyidin (abad ke-7)	(b) menghuraikan etika dan strategi peperangan;
1.7.3 Kepemimpinan	2	Mesir (abad ke-12) Khalifah Uthmaniyah (abad ke-15)	(c) menilai kepemimpinan dan sumbangan tokoh: (i) Salehuddin al-Ayyubi (ii) Sultan Muhammad al-Fatih

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
1.8 Perhubungan luar			Calon seharusnya dapat:
1.8.1 Diplomatik	2	Nabi Muhammad SAW dan Khalifah al-Rasyidin (abad ke-7)	(a) membincangkan bentuk perhubungan luar: (i) diplomatik
1.8.2 Naungan	2	Khalifah al-Rasyidin dan Khalifah Umayyah (abad ke-7–8)	(ii) naungan melalui pembayaran Jizyah
1.8.3 Perjanjian	2	Khalifah Abbasiyah (abad ke-9–13) Khalifah Uthmaniyah (abad ke-17–19)	(iii) perjanjian
<b>2 Pembangunan dan Penerokaan</b>	24		Calon seharusnya dapat menjelaskan perubahan yang berlaku dalam bidang ekonomi, kebudayaan, dan penerokaan.
2.1 Ekonomi	4		Calon seharusnya dapat:
2.1.1 Sistem ekonomi		Nabi Muhammad SAW (abad ke-7) Abbasiyah (abad ke-11–12) Kesultanan Melaka (abad ke-15)	(a) menghuraikan konsep dan ciri-ciri sistem ekonomi; (b) membincangkan kegiatan ekonomi;
2.1.2 Institusi ekonomi	3	Khalifah al-Rasyidin (abad ke-7–8) Khalifah Abbasiyah (abad ke-9–11)	(c) menganalisis peranan institusi ekonomi dan pelaksanaannya: (i) baitulmal (ii) cukai (iii) zakat



<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2.2 Pendidikan			Calon seharusnya dapat:
2.2.1 Falsafah pendidikan Islam	1	Khalifah Umayyah (abad ke-7–8) Khalifah Abbasiyah (abad ke-11–12)	(a) membincangkan falsafah dan ciri-ciri pendidikan Islam;
2.2.2 Perkembangan pendidikan	4	Mesir (abad ke-8) Acheh (abad ke-16–17)	(b) menjelaskan jenis institusi pendidikan: (i) halaqah (ii) masjid/surau (iii) pondok/ madrasah (iv) istana (v) universiti. (c) menghuraikan sistem pendidikan: (i) pendidikan fardu ain dan fardu kifayah (ii) kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2.3 Perkembangan intelektual			Calon seharusnya dapat:
2.3.1 Perkembangan ilmu	2	Khalifah Abbasiyah (abad ke-11–13) Khalifah Umayyah di Andalusia (abad ke-11–13)	(a) menghuraikan perkembangan ilmu naqli dan aqli;
2.3.2 Sumbangan tokoh	5	Khalifah Abbasiyah (abad ke-8–13) Mesir (abad ke-15)	(b) menilai sumbangan tokoh: (i) al-Khwarizmi (ii) Ibn Sina (iii) al-Ghazali (iv) Ibn Khaldun.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2.4 Penerokaan	3	Khalifah Umayyah (abad ke-7–8), Abbasiyah (abad ke-9–13), dan Andalusia (abad ke-14)	Calon seharusnya dapat: (a) menilai sumbangan tokoh: (i) al-Mas'udi (ii) Ibn Majid (iii) Ibn Battutah
2.5 Seni bina	2	Andalusia (abad ke-13) India (abad ke-16–17)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan ciri-ciri seni bina.
<b>3 Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa</b>	18		Calon seharusnya dapat menjelaskan proses, kesan, dan respons masyarakat tempatan terhadap penjajahan dan penubuhan negara bangsa.
3.1 Peluasan kuasa Barat	2	Khalifah Uthmaniyah (abad ke-18–20)	Calon seharusnya dapat: (a) membincangkan faktor-faktor peluasan kuasa Barat.
3.2 Reaksi masyarakat tempatan	4	Mesir dan Algeria (abad ke-19–20)	Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan reaksi masyarakat tempatan.
3.3 Gerakan nasionalisme	4	Mesir dan Syria (abad ke-20)	Calon seharusnya dapat: (a) menerangkan faktor kemunculan gerakan nasionalisme: (i) pengaruh agama (ii) peranan bahasa dan kesusasteraan (iii) pengaruh kewartawanan (iv) peranan pendidikan (v) peranan golongan intelektual (vi) pengaruh luar

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.4 Perang Dunia Pertama	4	Khalifah Uthmaniyah (abad ke-20)	Calon seharusnya dapat: (a) membincangkan penglibatan Khalifah Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama.
3.5 Pembentukan negara bangsa	4	Turki dan Mesir (abad ke-20)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan faktor-faktor pembentukan negara bangsa.

### Penggal Ketiga

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<p><b>SEJARAH MALAYSIA DAN ASIA TENGGARA (1800-2000)</b></p> <p><b>BAHAGIAN A: SEJARAH MALAYSIA</b></p> <p><b>1 Masyarakat</b></p>	11		Calon seharusnya dapat menjelaskan corak kehidupan tradisional masyarakat pribumi dari segi politik, sosial dan ekonomi
1.1 Institusi pemerintahan	1	Abad ke-19	Calon seharusnya dapat:
1.1.1 Raja			(a) menjelaskan konsep dan peranan raja;
1.1.2 Pembesar	1	Abad ke-19	(b) menghuraikan konsep, hierarki, dan peranan pembesar.
1.2 Hukum adat dan undang-undang			Calon seharusnya dapat:
1.2.1 Hukum adat	2	Abad ke-19	(a) menerangkan bentuk dan pelaksanaan:
			(i) Adat Perpatih
			(ii) Adat Temenggung
1.2.2 Undang -undang	2	Abad ke-19	(b) menghuraikan prinsip-prinsip umum:
			(i) Undang-Undang 99 Perak
			(ii) Undang-Undang Tubuh Johor
1.3 Sistem sosial	2	Abad ke-19	Calon seharusnya dapat:
			(a) menerangkan konsep dan susun lapis masyarakat.
1.4 Sistem ekonomi	3	Abad ke-19	Calon seharusnya dapat:
			(a) menjelaskan ciri-ciri ekonomi tradisional;
			(b) menerangkan ciri-ciri ekonomi komersial.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<b>2 Transformasi Masyarakat</b>	12		Calon seharusnya dapat menjelaskan transformasi masyarakat dan respons masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat.
2.1 Peluasan kuasa asing	2	Abad ke-19–20	Calon seharusnya dapat:  (a) membincangkan faktor dan cara peluasan kuasa asing di Negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak.
2.2 Penentangan terhadap kuasa asing	2	Abad ke-19–20	Calon seharusnya dapat:  (a) menilai sebab-sebab penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa asing di Negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak.
2.3 Pengubahsuaian dalam pentadbiran, ekonomi, dan pendidikan	2	Abad ke-19–20	Calon seharusnya dapat:  (a) menerangkan perubahan pentadbiran di Negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak;
	2		(b) menghuraikan perubahan perkembangan ekonomi di Negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak;
	2		(c) menjelaskan perubahan sistem pendidikan di Negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak.
2.4 Masyarakat pelbagai kaum	2	Abad ke-19–20	Calon seharusnya dapat:  (a) menghuraikan perkembangan masyarakat pelbagai kaum di Negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak.

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<b>3 Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa</b>	15		Calon seharusnya dapat menjelaskan perkembangan kesedaran kebangsaan dan proses pembinaan negara bangsa.
3.1 Gerakan nasionalisme			Calon seharusnya dapat:
3.1.1 Faktor kemunculan	2	Abad ke-20	(a) membincangkan faktor-faktor kemunculan nasionalisme: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pengaruh agama Islam</li> <li>(ii) peranan bahasa dan kesusasteraan</li> <li>(iii) pengaruh kewartawanan</li> <li>(iv) peranan pendidikan</li> <li>(v) peranan golongan intelektual</li> <li>(vi) pengaruh luar</li> </ul>
3.1.2 Gerakan, persatuan, kelab, dan kesatuan yang berkaitan dengan agama, ekonomi, sosial, dan politik	2	Abad ke-20	(b) membincangkan sebab penubuhan dan matlamat gerakan, persatuan, kelab, dan kesatuan yang mendukung gerakan nasionalisme: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Gerakan Islah/ Islamiah</li> <li>(ii) Persatuan dan kelab Negeri-negeri Melayu</li> <li>(iii) Kesatuan Melayu Muda</li> </ul>
3.2 Perjuangan mencapai kemerdekaan			Calon seharusnya dapat:
3.2.1 Pendudukan Jepun 1941-1945	2	Abad ke-20	(a) menghuraikan dasar dan kesan pendudukan Jepun ke atas gerakan mencapai kemerdekaan;

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.2.2 Perjuangan secara berperlembagaan 1946-1960	5	Abad ke-20	<p>(b) menilai penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union;</p> <p>(c) menjelaskan Gerakan Anti-Penyerahan di Sarawak;</p> <p>(d) membincangkan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948;</p> <p>(e) menggalurkan perkembangan perlembagaan di Sabah dan Sarawak;</p> <p>(f) menghuraikan langkah-langkah mengatasi ancaman Parti Komunis Malaya;</p>
3.2.3 Kemerdekaan	4	Abad ke-20	<p>(g) menganalisis langkah-langkah mencapai kemerdekaan;</p> <p>(h) membincangkan faktor-faktor pembentukan Malaysia;</p> <p>(i) membincangkan reaksi dalam dan luar negara terhadap pembentukan Malaysia;</p> <p>(j) membincangkan isi-isi Perjanjian Malaysia 1963.</p>
<b>4 Pengisian Kemerdekaan</b>	22		Calon seharusnya dapat menjelaskan bentuk negara bangsa merdeka, proses perkembangan dan kemajuan, dan peranannya dalam politik antarabangsa.
4.1 Sistem pemerintahan	3	Abad ke-20	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menghuraikan bentuk pemerintahan:</p> <p>(i) Persekutuan</p> <p>(ii) Raja Berperlembagaan</p> <p>(iii) Demokrasi Berparlimen</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
4.2 Pembinaan negara bangsa			Calon seharusnya dapat:
4.2.1 Pembangunan sosial	5	Abad ke-20	(a) menjelaskan usaha-usaha ke arah pembangunan sosial: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bahasa Kebangsaan</li> <li>(ii) Dasar Pendidikan Kebangsaan</li> <li>(iii) Dasar Kebudayaan Kebangsaan</li> <li>(iv) Rukun Negara</li> </ul>
4.2.2 Pembangunan ekonomi	8		(b) menganalisis usaha-usaha ke arah pembangunan ekonomi: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Dasar Pembangunan Luar Bandar</li> <li>(ii) Dasar Ekonomi Baru (DEB)</li> <li>(iii) Dasar Pembangunan Nasional (DPN): <ul style="list-style-type: none"> <li>– Dasar Perindustrian Negara</li> <li>– Dasar Pertanian Negara</li> </ul> </li> </ul> (c) menilai sumbangan tokoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj</li> <li>(ii) Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein</li> <li>(iii) Tun Hussein bin Onn</li> <li>(iv) Tun Dr Mahathir bin Mohamad</li> </ul>
4.3 Wawasan 2020	2	Abad ke-20	Calon seharusnya dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) menerangkan cabaran dan hala tuju negara.</li> </ul>



<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
4.4 Perhubungan luar	4	Abad ke-20	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengenal pasti asas-asas dasar luar negara;</p> <p>(b) membincangkan penglibatan Malaysia dalam organisasi antarabangsa:</p> <p>(i) Komanwel (<i>Commonwealth of Nations</i>)</p> <p>(ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (<i>United Nations</i>)</p> <p>(iii) <i>Association of South East Asian Nations</i> (ASEAN)</p> <p>(iv) Pergerakan Negara Berkecuali (NAM)</p> <p>(v) Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH ASIA TENGGARA</b>			
<b>1 Masyarakat</b>	12		Calon seharusnya dapat menjelaskan corak kehidupan tradisional masyarakat pribumi dari segi politik, sosial, dan ekonomi.
1.1 Institusi pemerintahan	2	Vietnam dan Thailand (Abad ke-19)	Calon seharusnya dapat:
1.1.1 Raja			(a) memerihalkan konsep dan peranan raja;
1.1.2 Pembesar	2	Vietnam dan Thailand (Abad ke-19)	(b) memerihalkan konsep, hierarki dan peranan pembesar.
1.2 Sistem sosial	2	Vietnam dan Indonesia (Abad ke-19)	Calon seharusnya dapat:
			(a) menjelaskan konsep dan susun lapis masyarakat.
1.3 Sistem ekonomi	6	Vietnam dan Indonesia (Abad ke-19)	Calon seharusnya dapat:
			(a) menjelaskan ciri-ciri ekonomi tradisional;
			(b) menerangkan ciri-ciri ekonomi komersial.
<b>2 Transformasi Masyarakat</b>	11		Calon seharusnya dapat menjelaskan transformasi masyarakat dan respons masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat.
2.1 Peluasan kuasa asing	2	Indonesia dan Myanmar (Abad ke-19)	Calon seharusnya dapat:
			(a) membincangkan faktor dan cara peluasan kuasa asing.
2.2 Penentangan terhadap kuasa asing	4	Indonesia dan Myanmar (Abad ke-19)	Calon seharusnya dapat:
			(a) menganalisis sebab-sebab penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa asing;
			(b) menilai peranan tokoh:
			(i) Diponegoro
			(ii) Thibaw

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
2.3 Pengubahsuaian dalam pentadbiran, ekonomi, dan pendidikan	5	Indonesia dan Myanmar (Abad ke-19)	Calon seharusnya dapat: (a) menghuraikan kesan penjajahan asing terhadap pentadbiran tempatan; (b) membincangkan perkembangan ekonomi; (c) membincangkan perkembangan pendidikan.
<b>3 Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa</b>	16		Calon seharusnya dapat menjelaskan perkembangan kesedaran kebangsaan dan proses pembinaan negara bangsa.
3.1 Gerakan nasionalisme			Calon seharusnya dapat:
3.1.1 Faktor kemunculan	4	Indonesia dan Myanmar (Abad ke-19)	(a) menganalisis faktor-faktor kemunculan nasionalisme: (i) pengaruh agama (ii) peranan bahasa dan kesusasteraan (iii) pengaruh kewartawanan (iv) peranan pendidikan (v) peranan golongan intelektual (vi) pengaruh luar
3.1.2 Parti politik dan persatuan	4	Indonesia dan Myanmar (Abad ke-19)	(b) menerangkan sebab penubuhan dan matlamat pesatuan dan parti politik yang mendukung gerakan nasionalisme: (i) Sarekat Islam (ii) Partai Nasional Indonesia (iii) <i>Young Men Buddhist Association</i> (YMBA) (iv) <i>Poor Man's Party</i>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
3.2 Perjuangan mencapai kemerdekaan			Calon seharusnya dapat:
3.2.1 Pendudukan Jepun 1941-1945	2	Myanmar dan Indonesia (Abad ke-20)	(a) menghuraikan dasar dan kesan pendudukan Jepun ke atas perjuang mencapai kemerdekaan;
3.2.2 Perjuangan secara berperlembagaan dan bersenjata	2	Myanmar dan Indonesia (Abad ke-20)	(b) menilai penentangan rakyat terhadap penjajah secara berperlembagaan;  (c) menggalurkan penentangan rakyat secara bersenjata;
3.2.3 Kemerdekaan	4	Myanmar dan Indonesia (Abad ke-20)	(d) menghuraikan langkah-langkah mencapai kemerdekaan.
<b>4 Pengisian Kemerdekaan</b>	21		Calon seharusnya dapat menjelaskan bentuk negara bangsa merdeka, proses perkembangan dan kemajuan, dan peranannya dalam politik serantau.
4.1 Sistem pemerintahan	6	Filipina dan Thailand (Abad ke-20)	Calon seharusnya dapat:  (a) menghuraikan bentuk pemerintahan: (i) Republik (ii) Raja Berperlembagaan (iii) Demokrasi Berparlimen
4.2 Pembangunan			Calon seharusnya dapat:
4.2.1 Pembangunan ekonomi	3	Filipina dan Thailand (Abad ke-20)	(a) menjelaskan dasar-dasar ekonomi negara.
4.3 Pembinaan negara bangsa			Calon seharusnya dapat:
4.3.1 Bentuk pemerintahan	6	Filipina dan Thailand (Abad ke-20)	(a) menerangkan sistem pemerintahan yang menuju ke arah pembinaan negara bangsa: (i) demokrasi (ii) ketenteraan

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Masa/Kawasan Kajian</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>
4.3.2 Sumbangan tokoh	2	Filipina dan Thailand (Abad ke-20)	(b) menilai sumbangan tokoh: (i) Macapagal (ii) Phibun Songkram
4.4 Perhubungan luar			Calon seharusnya dapat:
4.4.1 Penglibatan dalam organisasi antarabangsa	4	Filipina dan Thailand (Abad ke-20)	(a) membincangkan penglibatan negara dalam organisasi antarabangsa: (i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ( <i>United Nations</i> ) (ii) <i>South East Asia Treaty Organisation</i> (SEATO) (iii) <i>Association of South East Asian Nations</i> (ASEAN)

## **Kerja Kursus (Kerja Projek)**

### **1 Pengenalan**

Kerja kursus bagi mata pelajaran Sejarah STPM (940) merupakan satu daripada komponen sukatan pelajaran Sejarah STPM. Setiap calon sekolah kerajaan, calon sekolah bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu **wajib** melaksanakan tugas kerja projek yang melibatkan penyelidikan sejarah berdasarkan tajuk pilihan mereka sendiri. Kerja projek adalah satu daripada komponen pentaksiran untuk penggal kedua. Wajaran markah bagi komponen kerja projek ini adalah sebanyak 20%. Pada akhir kerja projek calon mesti membentangkan esei penyelidikan. Panjang esei tersebut adalah kira-kira 2500 hingga 3000 patah perkataan, tidak termasuk nota kaki, jadual, rajah, graf, dan bibliografi. Panduan dan arahan tugas kerja projek akan diberikan melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

### **2 Objektif**

Kerja projek ini dilaksanakan untuk membolehkan calon:

- (a) memperoleh kemahiran mengumpul, memilih, menilai, dan mentafsir sumber sebagai bukti sejarah;
- (b) mengembangkan kemahiran insaniah;
- (c) menganalisis dan merumuskan fakta sejarah secara kritis dan rasional;
- (d) menghayati kepentingan peristiwa, tokoh, isu, dan perubahan sosial dalam masyarakat.

### **3 Tema kajian**

Calon dikehendaki memilih satu tajuk berdasarkan dua tema yang dikenalpasti pada tahun berkenaan oleh pihak Majlis Peperiksaan Malaysia. Tema-tema tersebut adalah daripada senarai di bawah:

- (a) Sejarah ekonomi
- (b) Sejarah kehakiman dan perundangan
- (c) Sejarah ketenteraan
- (d) Sejarah kulinari dan makanan
- (e) Sejarah kumpulan etnik/kaum/klan/suku kaum
- (f) Sejarah pendidikan
- (g) Sejarah perubatan dan kesihatan
- (h) Sejarah politik
- (i) Sejarah sains dan teknologi
- (j) Sejarah seni dan kebudayaan
- (k) Sejarah sukan
- (l) Sejarah tempat
- (m) Sejarah tokoh

Calon boleh memilih mana-mana tajuk daripada kajian Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Sejarah Islam, dan Sejarah Dunia bermula dari 500 Masihi sehingga 2000 Masihi. Pemilihan tajuk tidak terikat dengan kandungan yang telah dipelajari dalam sukatan pelajaran Sejarah STPM.

## Skim Pentaksiran

Peperiksaan bagi mata pelajaran ini terdiri daripada empat kertas, iaitu Kertas 1, Kertas 2, Kertas 3, dan Kertas 4. Semua jenis calon dikehendaki mengambil Kertas 1 hingga Kertas 4.

Bagi semua jenis calon, Kertas 1 diambil pada Penggal Pertama, Kertas 2 dan Kertas 4 pada Penggal Kedua dan Kertas 3 pada Penggal Ketiga. Kertas 1 dan Kertas 2 boleh diulang pada Penggal Ketiga. Peperiksaan bagi setiap kertas akan diadakan pada hujung penggal.

### 1. Kertas 940/1 (Sejarah Dunia, 1500 hingga 1955)

- 1.1 Sebanyak **enam** soalan akan dikemukakan dan calon dikehendaki menjawab **empat** soalan sahaja.
- 1.2 Markah bagi setiap soalan adalah 20 markah.
- 1.3 Masa yang diperuntukkan ialah 2 jam.
- 1.4 Markah penuh yang diperuntukkan ialah 80 markah.
- 1.5 Kertas ini mempunyai wajaran 26.67%.

### 2. Kertas 940/2 (Sejarah Islam, 500 hingga 1918)

- 2.1 Sebanyak **enam** soalan akan dikemukakan dan calon dikehendaki menjawab **tiga** soalan sahaja.
- 2.2 Markah bagi setiap soalan adalah 20 markah.
- 2.3 Masa yang diperuntukkan ialah 1½ jam.
- 2.4 Markah penuh yang diperuntukkan ialah 60 markah.
- 2.5 Kertas ini mempunyai wajaran 26.67%.

### 3. Kertas 940/3 (Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara, 1800 hingga 2000)

- 3.1 Kertas ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A (Sejarah Malaysia) dan Bahagian B (Sejarah Asia Tenggara).
- 3.2 Sebanyak **enam** soalan akan dikemukakan, iaitu **tiga** soalan daripada Bahagian A (Sejarah Malaysia) dan **tiga** soalan daripada Bahagian B (Sejarah Asia Tenggara). Calon dikehendaki menjawab **empat** soalan sahaja, iaitu **dua** daripada Bahagian A dan **dua** daripada Bahagian B.
- 3.3 Markah bagi setiap soalan adalah 20 markah.
- 3.4 Masa yang diperuntukkan ialah 2 jam.
- 3.5 Markah penuh yang diperuntukkan ialah 80 markah.
- 3.6 Kertas ini mempunyai wajaran 26.67%.

### 4. Kertas 940/4 (Kerja Projek Sejarah)

- 4.1 Kerja projek ini akan dijalankan pada awal Penggal Kedua.
- 4.2 Kerja projek ini adalah wajib bagi calon sekolah kerajaan, calon sekolah bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu.
- 4.3 Pentaksiran kerja projek ini akan dijalankan oleh guru sekolah.
- 4.4 Markah penuh ialah 55 markah.
- 4.5 Wajaran markah ialah 20%.

## Skim Pentaksiran

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
<b>Penggal Pertama</b>	940/1 Sejarah 1	<b>Ujian Bertulis</b>  Soalan esei* 6 soalan diberikan Jawab 4 soalan daripada 6 soalan	<b>80 (26.67%)</b>	2 jam	Pentaksiran berpusat
<b>Penggal Kedua</b>	940/2 Sejarah 2	<b>Ujian Bertulis</b>  Soalan esei* 6 soalan diberikan Jawab 3 soalan daripada 6 soalan	<b>60 (26.67%)</b>	1½ jam	Pentaksiran berpusat
	940/4 Sejarah 4	<b>Kerja Kursus (Kerja Projek)</b>  Pilih satu tema daripada dua tema yang diberikan dan hasilkan satu tugas daripada tema yang dipilih	<b>55 (20%)</b>	Sepanjang penggal kedua	Pentaksiran berasaskan sekolah bagi calon sekolah kerajaan dan calon sekolah bantuan kerajaan  Pentaksiran oleh pemeriksa yang dilantik bagi calon sekolah swasta dan calon persendirian individu
<b>Penggal Ketiga</b>	940/3 Sejarah 3	<b>Ujian Bertulis</b>  Soalan esei* 6 soalan diberikan Jawab 4 soalan daripada 6 soalan	<b>80 (26.67%)</b>	2 jam	Pentaksiran berpusat

\* Soalan-soalan boleh dibina berdasarkan kepada tema dan tidak terhad kepada hasil pembelajaran sahaja.



## **Pemerihalan Prestasi**

### **Gred A**

- Calon mengingat semula, memilih, dan menggunakan pengetahuan sejarah yang relevan dan tepat untuk menyokong hujah yang koheren dan logik.
- Calon menyampaikan idea dengan cara yang jelas dan koheren menggunakan istilah Sejarah yang bersesuaian.
- Calon menunjukkan pemahaman tentang kompleksiti konsep sejarah, membezakan dengan jelas antara sebab dan akibat, perubahan dan kesinambungan, persamaan dan perbezaan dengan menggunakan keterangan/bukti sejarah yang tepat dan relevan.
- Calon menunjukkan pemahaman tentang individu dan masyarakat masa silam; memahami kepentingan motif individu yang terlibat.
- Calon menggunakan, menilai dan menginterpretasi sumber sejarah sebagai bukti, mengenal pasti dengan tepatnya kekangan sumber tertentu, membanding dan membezakan pelbagai sumber serta membuat kesimpulan yang jelas dan logik.

### **Gred C**

- Calon mengingat dan memilih pengetahuan sejarah yang relevan untuk menyokong hujah yang logik.
- Calon menyampaikan idea secara jelas dan koheren dengan menggunakan istilah sejarah yang bersesuaian.
- Calon membezakan antara sebab dan akibat, perubahan dan kesinambungan serta persamaan, dan perbezaan dengan menggunakan bukti yang tepat tetapi terhad.
- Calon menunjukkan pemahaman tentang individu dan masyarakat masa silam.
- Calon menggunakan, menilai dan menginterpretasi sumber sejarah sebagai bukti, menunjukkan kekangan sumber tertentu, membanding, dan membezakan pelbagai sumber serta membuat kesimpulan yang koheren.

## Glosari

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
1	Baitulmal	Institusi perbendaharaan dalam negara Islam.
2	Dekolonisasi	Langkah membebaskan tanah jajahan menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.
3	Fardu 'ain	Ilmu dan amalan yang diwajibkan kepada setiap orang Islam.
4	Fardu kifayah	Ilmu dan amalan yang diwajibkan ke atas semua umat Islam tetapi tanggungjawab itu terlepas jika sebahagian daripada mereka telah melakukannya.
5	Gerakan	Suatu kegiatan secara berkumpulan atau massa dalam memperjuangkan sesuatu idealisme.
6	Halaqah	Bentuk pendidikan yang tidak formal secara berkumpulan.
7	Ilmu aqli	Ilmu yang berasaskan keupayaan dan rasionalisasi akal.
8	Ilmu naqli	Ilmu yang berasaskan al-Quran dan hadis.
9	Jihad	Usaha-usaha yang dilakukan untuk mempertahankan Islam.
10	Jizyah	Sejenis cukai yang dikenakan kepada penduduk bukan Islam dalam negara Islam.
11	Kapitalisme	Sistem ekonomi yang berteraskan pengeluaran melalui penggunaan modal persendirian dan tenaga buruh bebas dengan mengutamakan keuntungan maksimum.
12	Khalifah	Ketua yang dipilih untuk memimpin masyarakat Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.
13	Madrasah	Institusi pendidikan formal dalam masyarakat Islam.
14	Masyarakat agraria	Masyarakat yang kegiatan dan pengeluaran ekonominya bertumpu kepada pertanian.
15	Masyarakat berbilang kaum	Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum atau masyarakat majmuk.
16	Masyarakat feudal	Masyarakat berhierarki. Kedudukan, kuasa, dan status setiap lapisan ditentukan melalui penguasaan ke atas tanah.
17	Masyarakat industri	Masyarakat yang kegiatan ekonominya berteraskan perindustrian.
18	Masyarakat jahiliah	Masyarakat yang hidup di Semenanjung Tanah Arab sebelum kedatangan Islam.
19	Masyarakat maritim	Masyarakat yang kegiatan ekonominya berpusatkan kelautan dan pusat pemerintahannya bertapak di kawasan pesisir.

<i>Bil.</i>	<i>Istilah</i>	<i>Huraian istilah</i>
20	Nasionalisme	Ikatan perasaan dalam kalangan kelompok yang mewarisi sejarah, budaya, dan bahasa yang dikongsi bersama yang menjadi asas kepada gerakan kebangsaan.
21	Negara bangsa	Sebuah komuniti politik dengan pemerintahnya memegang keabsahan atau legitimasi sebagai wakil bangsa.
22	Pendidikan humanistik	Bentuk pendidikan yang menekankan isu-isu yang berkaitan dengan kemanusiaan.
23	Pendidikan skolastik	Bentuk pendidikan di Eropah pada zaman pertengahan yang berpusatkan kepada teologi Kristian.
24	Perang Dingin	Ketegangan politik dan persaingan kuasa serta ketenteraan di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union selepas Perang Dunia Kedua.
25	Raja Berperlembagaan	Sistem pemerintahan beraja yang dikawal oleh perlembagaan dan kuasa Raja tertakluk kepada peruntukan yang termaktub di dalam perlembagaan yang diamalkan.
26	Raja mutlak	Raja yang mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas pemerintahan negeri dan rakyat.
27	Zakat	Sejenis cukai yang diwajibkan kepada orang Islam setelah mencukupi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## Senarai Rujukan

Senarai di bawah ini adalah cadangan bahan-bahan rujukan yang boleh digunakan oleh guru dan calon. Guru dan calon juga boleh menggunakan bahan-bahan rujukan lain yang tidak tersenarai di bawah.

### Kertas 1: Sejarah Dunia (1500-1955)

1. Abdullah Zakaria dan Zulkanain Abdul Rahman, 2008. *Konflik Dunia Abad Ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Davies, N., 1998. *Europe: A History – A Panorama of Europe, East and West From the Ice Age To The Cold War*. New York: Harper Perennial.
3. Palmer, R.R. dan Colton, J., 1994. *A History of the Modern World*. Edisi ke-8. New York: McGraw-Hill Companies.
4. Qasim Ahmad, 1994. *Eropah Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Rajendran, M., 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku.
6. Shakila Yaacob, 2005. *Sejarah Amerika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Sivachandralingam Sundara Raja, 2005. *Sejarah Perdagangan Bebas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
8. Stein, B., 1998. *A History of India*. London: Blackwell Publication.
9. Suffian Mansor, 2003. *Tamadun Cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. Zulkanain Abdul Rahman, 2002. *Tamadun Rusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Kertas 2: Sejarah Islam, 500-1918

11. Abdul Rauh Yaacob, 1994. *Lembaran Sejarah dan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1989. *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
13. Esposito, J.L., (edition), 1999. *The Oxford History of Islam*. London: Oxford University Press.
14. Lewis, B., 2001. *The Shaping of Modern Middle East*. New York: Oxford University Press.
15. Mahayudin Haji Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1995. *Sejarah Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
16. Mahayudin Haji Yahaya, 1990. *Islam di Sepanyol dan Sicily*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. Mahayudin Haji Yahaya, 2005. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
18. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003. *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

19. Mohammad Redzuan Othman, 1994. *Afrika Utara dan Timur Tengah Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
20. Muhammad Husain Haykal, 1981. *Sejarah Hidup Nabi Muhammad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kertas 3: Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara, 1800-2000**

21. Abdullah Zakaria, 1997. *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
22. Azlizan Mat Enh, 2011. *Sejarah Diplomatik: Esei-esei Penghargaan Kepada Prof. Dato' Dr. Nik Anuar Nik Mahmud*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
23. Abu Talib Ahmad, 1991. *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
24. Andaya, B. W. dan Leonard Y., 1992. *A History of Malaysia*. London: Macmillan.
25. Brown, I., 1997. *Economic Changes in Southeast Asia, c.1830-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
26. D.J.M Tate, 1980. *Sejarah Pembentukan Asia Tenggara Perubahan Ekonomi dan Sosial*, Jilid ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
27. Kobkua Suwannathat-Pian, 1991. *Sejarah Thai Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
28. Mohamed Noordin Sopiee, 2005. *From Malayan Union To Singapore Separation 1945-1965*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
29. Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh dan Abd. Ghafa Harun, 2011. *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
30. Ramlah Adam, 2005. *Tunku Abdul Rahman Satu Biografi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kertas 4: Kerja Kursus**

31. Benjamin Jules R., 1998. *A Student's Guide to History*. Boston: Bedford Books.
32. Black, J. dan MacRaild, D. M., 2000. *Studying History*, Edisi ke-2. London: Macmillan Press Ltd.
33. Geddes, John A., 1965. *How To Study History*. New York: Vantage Press.
34. Ishak Saat, 2010. *Penulisan Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
35. Kuntowijoyo, 2001. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Jakarta: Yayasan Bentang Budaya.
36. McCoy, F.N., 1974. *Researching and Writing in History*. London: University of California Press.
37. Pace, D. dan Pugh, S.L., 1996. *Studying for History*. New York: Harper Collins College Publishers.

38. Satish K.Bajaj, 2000. *Research Methodology in History*. New Delhi: Ammol Publications Ltd.
39. Sivachandralingam Sundara Raja, 2001. *Pemikiran dan Penulisan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
40. Sivachandralingam Sundara Raja dan Noraini Mohamed Hassan, 2008. *Panduan Menulis Esei dan Latihan Ilmiah di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

# ***KERTAS SOALAN CONTOH***

**940/1**

**STPM**

**SEJARAH**

**SEJARAH DUNIA (1500-1955)**

**KERTAS 1**

**(Dua jam)**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab empat soalan sahaja.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

*Jawab empat soalan sahaja.*

- 1 Huraikan ciri-ciri feudalisme di Jepun dan England. [20]
- 2 Bincangkan peranan pembesar dalam pentadbiran imperial di China. [20]
- 3 Jelaskan sistem ekonomi kapitalis yang diamalkan oleh England pada abad ke-18. [20]
- 4 Bincangkan faktor utama membawa kepada campur tangan kuasa barat di China. [20]
- 5 Nilaiakan sumbangan Adam Smith kepada perkembangan pemikiran ekonomi di Eropah. [20]
- 6 Bincangkan penglibatan Perancis dalam pertubuhan *North Atlantic Treaty Organisation* (NATO). [20]



# ***KERTAS SOALAN CONTOH***

**940/2**

**STPM**

**SEJARAH**

**SEJARAH DUNIA (500-1918)**

**KERTAS 2**

**(Satu jam setengah)**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

**(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab **tiga** soalan sahaja.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

*Jawab tiga soalan sahaja.*

- 1 Huraikan konsep ummah dan usaha yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW untuk melaksanakan konsep ummah di Madinah. [20]
- 2 Bincangkan kaedah pemilihan khalifah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Rasyidin . [20]
- 3 Terangkan perkembangan ilmu naqli pada zaman pemerintahan kerajaan Khalifah Umayyah di Andalusia. [20]
- 4 Nilaiakan sumbangan al-Mas'udi dalam bidang pelayaran dan geografi. [20]
- 5 Huraikan faktor kemunculan gerakan nasionalisme di Mesir. [20]
- 6 Bincangkan kesan Perang Dunia Pertama terhadap pemerintahan Khalifah Uthmaniyah. [20]

# ***KERTAS SOALAN CONTOH***

**940/3**

**STPM**

## **SEJARAH**

**SEJARAH MALAYSIA DAN ASIA TENGGARA (1800-2000)**

### **KERTAS 3**

**(Dua jam)**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab empat soalan sahaja: dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*

*Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Jawab **empat** soalan sahaja. Dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A (Sejarah Malaysia)**

[40 markah]

- 1 Huraikan sistem ekonomi tradisional masyarakat Malaysia pada abad ke-19. [20]
- 2 Bincangkan peranan golongan intelektual dalam gerakan nasionalisme di Tanah Melayu dari 1906 hingga 1940. [20]
- 3 Nilaiakan sumbangan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dalam pembangunan luar bandar. [20]

**Bahagian B (Sejarah Asia Tenggara)**

[40 markah]

- 1 Huraikan peranan Raja dalam institusi pemerintahan masyarakat tempatan di Thailand. [20]
- 2 Sejauh manakah pendudukan Jepun menyemarakkan gerakan tuntutan kemerdekaan di Myanmar? [20]
- 3 Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan Filipina dan Thailand menyertai *South East Asia Treaty Organisation* (SEATO). [20]

# ***KERTAS SOALAN CONTOH***

**940/4**

**STPM**

**SEJARAH**

**KERTAS 4**

**KERJA KURSUS  
(KERJA PROJEK)**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

1. Kerja kursus **WAJIB** dilaksanakan oleh calon STPM sekolah kerajaan, calon sekolah bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu sebagai sebahagian komponen pentaksiran penggal kedua.
2. Calon juga mesti melaksanakan semua aspek berkaitan kerja kursus seperti yang ditetapkan.
3. Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada    halaman bercetak.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Pilih **satu** daripada tema di bawah ini, dan bina **satu** tajuk kajian dengan menyediakan esei yang panjangnya tidak melebihi 3000 patah perkataan.

**Tema 1**

Sejarah Ekonomi

**Tema 2**

Sejarah Pendidikan